



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS PERSEMBAHAN DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPERNA  
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI  
DALAMNYA TAHUN 1447H/2025M**

**Hari Isnin, 08 Rabiulawal 1447H bersamaan 01 September 2025M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah pada hari Isnin, 08 Rabiulawal 1447H bersamaan 01 September 2025M bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebelumnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan majlis yang sama pada hari Sabtu, 06 Rabiulawal 1447H bersamaan 30 Ogos 2025M bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampong Tungku Katok.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Emel: [pr@mofe.gov.bn](mailto:pr@mofe.gov.bn)

Rujukan: KKW/ADM/28 Pt.4

Tarikh: 08 Rabiulawal 1447H  
01 September 2025M